

# Schooling dinobatkan sebagai pemenang kali kedua

**UNGGUL LAGI:** Ibu bapa Joseph Schooling – Encik Colin (dua dari kiri) dan Cik May (tengah) – menerima Anugerah Atlit Terbaik The Straits Times (ST) 2016 daripada Cik Grace Fu (dua dari kanan) bagi pihak anak mereka. Berdiri di samping mereka ialah Editor Sukan ST, Cik Lee Yulin (kiri), dan pengurus besar F&N Foods Singapore, Cik Jennifer See (kanan). – Foto-foto THE STRAITS TIMES



► **FAKHRURAZDI ISMAIL**  
mfismail@sph.com.sg

JAGUH renang negara, Joseph Schooling, sekali lagi mencipta sejarah dalam arena sukan tempatan setelah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Atlit Terbaik The Straits Times (ST) 2016 buat kali kedua, semalam.

Sebelum ini, Schooling pernah merangkul anugerah tersebut pada 2015 kerana pencapaiannya dalam temasya Sukan Komanwel Glasgow di Scotland dan Sukan Asia Incheon di Korea Selatan, tiga tahun lalu.

Schooling, 21 tahun, kini mahasiswa di Universiti Texas, Amerika Syarikat, mengatasi empat calon lain termasuk srikandi renang sukan para-olimpik, Yip Pin Xiu; pemain biliard negara, Peter Gilchrist; pemain bowling wanita, New Hui Fen; dan juara

dunia berganda silat, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin; dalam majlis yang diadakan di One Farrer Hotel and Spa.

Bapa dan ibu Schooling, Encik Colin dan Cik May, mewakili anak mereka semasa menerima anugerah tersebut daripada tetamu terhormat, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu.

Schooling yang menjadi atlit pertama negara merangkul pingat emas dalam temasya Sukan Olimpik di Rio tahun lalu tidak dapat hadir kerana penghargaannya melalui aplikasi komunikasi bervisual, Skype, di hadapan sekitar 150 hadirin.

“Saya amat berbesar hati kerana memenangi anugerah ini. Saya tidak mampu melakukannya tanpa sokongan ibu bapa saya, rakan-rakan dan

kumpulan sokongan yang sentiasa berada di sisi saya.

“Terima kasih saya ucapkan kerana masih berada bersama saya dalam susah dan senang,” katanya sambil tersenyum.

Beliau juga sempat menyampaikan setinggi penghargaan kepada akhbar *The Straits Times* dan syarikat minuman isotonik 100Plus atas segala sokongan yang diberikan dalam perjalanannya menjadi juara renang Olimpik.

Ketika temasya Olimpik tahun lalu, Schooling berjaya memecahkan rekod Sukan Olimpik dalam acara renang 100 meter gaya kupu-kupu dengan mencatat masa 50.39 saat.

Dalam ucapannya pula, Cik Fu berkata 2016 merupakan tahun yang begitu bermakna bagi sukan negara setelah menyaksikan bagaimana rakyat

Singapura bersatu memberikan semangat yang utuh kepada atlit negara hingga mereka meraih kejayaan untuk negara.

“Kita telah menyaksikan bagaimana sukan mampu memberikan inspirasi serta menyatukan seluruh negara ini. Rakyat Singapura daripada pelbagai peringkat telah berkumpul untuk menyorok perjuangan atlit Team Singapore dan meraikan pencapaian sukan negara kita dengan penuh rasa bangga,” kata Cik Fu yang juga sempat mengucapkan tahniah kepada Schooling.

Anugerah yang dianjurkan ST dengan disokong 100Plus ini mula diperkenalkan pada 2008 dan menyaksikan lapan atlit terkemuka negara dinobatkan sebagai pemenang, antaranya pemain bola sepak negara, Safwan Baharudin, yang menjadi atlit terbaik bagi 2013.



**TETAP BERBANGGA:** Meskipun tidak memenangi anugerah Atlit Terbaik The Straits Times 2016, Sheik Farhan tetap berbesar hati kerana dicalonkan dan berasa bangga pencapaiannya mendapat pengiktirafan.

## Farhan bangga walau gagal menang anugerah

PENCAPAIAN juara berganda sukan pencak silat, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, dalam mengharumkan nama Singapura di persada sukan itu tidak kurang hebatnya dan menjadi kebanggaan negara.

Meskipun gagal memenangi Anugerah Atlit Terbaik 2016 anjuran akhbar *The Straits Times* (ST) semalam, beliau tetap bangga dan berbesar hati kerana dicalonkan bersama empat atlit terbaik negara yang lain.

Ketika ditemui semalam selepas majlis itu, pesilat berusia 19 tahun itu berkata:

“Saya berasa gembira kerana pencapaian saya selama ini dalam sukan pencak silat mendapat pengiktirafan besar sebegini.

“Saya tidak mengharapkan memenangi anugerah ini kerana persaingan yang sengit antara atlit terkemuka negara yang turut dicalonkan, tetapi bagi diri saya, hanya berada di sini di samping atlit ini merupakan sesuatu perkara yang amat besar dan begitu bermakna. Saya tetap gembira kerana dicalonkan.”

Beliau turut ditemani ahli keluarga dan rakan-rakan termasuk bapa dan ibunya, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican dan Cik Sa'adiyah Sanuse.

Namun, perhatian Sheik Farhan kini tertumpu kepada pertandingan di gelanggang temasya Sukan SEA Ke-29 di Kuala Lumpur pada Ogos ini.

Sasaran merangkul pingat emas tetap menjadi matlamat utamanya dalam pertandingan itu bagi menebus kekecewaan apabila kecundang di tangan pesilat Malaysia, Muhammad Robial Sobri, sewaktu Sukan SEA 2015.

“Bagi persediaan saya menjelang Sukan SEA nanti, saya telah melakukan rutin yang sering saya lakukan sewaktu latihan kerana saya dapati ia amat berkesan.

“Saya juga telah mula berlatih dengan lebih gigih lagi berbanding sebelum ini.

“Sasaran saya tetap sama seperti pertandingan lain iaitu merangkul pingat emas.

“Saya berharap saya dapat mencapai sasaran itu,” ujarnya.